

Jalan Kerohanian Tuntut Perubahan Total

Q. Apakah Jalan Kerohanian Menuntut Perubahan Total?

A. Ya, benar. Jalan Kerohanian adalah jalan menuntut perubahan total dalam kehidupan seharian kita hari ini. Sebab itu pernah diungkapkan bahawa andaikata para Sahabat Baginda SAW r.anhum ajmain hidup di zaman ini, mereka akan mengatakan kita orang yang tidak beriman dan beramal dengan ajaran Islam, manakala kita pula menuduh mereka orang-orang yang kurang waras. Itu adalah realiti kehidupan majoriti kita hari ini apabila Islam hanyalah luaran semata-mata kerana dilahirkan Islam, tetapi hakikat dan roh Islam tiada dalam jiwa kita. Sebaliknya, penuh dengan segala perasaan keji (*mazmumah*) dan penyakit hati yang tidak perlulah kita senaraikan di sini. Sungguh jauh “Islam” kita hari ini dengan Islam yang hidup dan diamalkan oleh Baginda SAW dan para Sahabat di awal kedatangan Islam suatu ketika dahulu. Di awal Islam, Allah “hidup” dalam hati-hati mereka, namun hari ini “dunia” dan “penyakit hati” bersarang dalam hati-hati kita. Lalu jalan tasawuf ini mengajak kita kembali “menghidupkan” Allah dalam hati kita sepertimana ungkapan yang diberikan oleh tokoh tasawuf terkenal Imam al-Junayd al-Baghdadi “Allah “mematikan” kamu dari dirimu, dan “menghidupkan” kamu melaluiNya”.

Q. Apakah Perubahan Yang dituntut itu?

A, Perubahan yang dituntut bukan perubahan luaran atau zahir tetapi perubahan batin atau boleh disebut “transformasi rohani”. Dalam tasawuf, tiada lebih utama yang dituntut melainkan hati. Hati merupakan roh kepada Islam yang kita anuti. Tanpa hati, ianya umpama badan yang berjasad namun tanpa nyawa. Hati merupakan fokus utama dalam ilmu tasawuf kerana seseorang itu akan selamat di Padang Mahsyar kelak walaupun mungkin amal ibadatnya tidak banyak, dengan syarat hatinya sihat. Memadai jika dia melaksanakan yang wajib dan meninggalkan yang haram, walaupun mungkin amalan sunatnya tidak seberapa. Manakala seseorang itu tidak akan selamat, walaupun mungkin amal ibadatnya menggunung banyaknya jika hatinya penuh dengan pelbagai penyakit. Contoh penyakit hati yang lumrah hari ini ialah hasad dengki. Ianya jelas dicela dalam Islam sepertimana mafhum hadith Baginda SAW “Janganlah kamu berhasad dengki kerana sesungguhnya hasad itu memakan amal kebajikan sepertimana api memakan kayu api”. (Abu Dawud dan Ibn Majah).

Hasad merupakan antara penyakit hati yang ramai di kalangan kita tidak menyedari hari ini bahkan di kalangan orang yang kuat beribadat, dan lebih menyedihkan lagi turut wujud di kalangan alim ulama dan agamawan sendiri melainkan mereka yang beramal dengan ajaran tasawuf atau menjalani jalan tarekat.

Oleh itu perubahan yang dituntut dalam usaha mendekatkan diri kita dengan Allah SWT melalui amalan tasawuf adalah perubahan hati – menjadikan hati yang selama ini kotor dan berpenyakit kepada hati yang bersih, suci dan sihat yang di dalamnya tiada yang lain melainkan Allah SWT. Hanya “hati yang sihat”

sejahtera sahaja yang selamat di hari Akhirat kelak sepertimana mafhum Firman Allah SWT "Hari yang tidak memberi manfaat harta benda mahu pun anak-pinak melainkan mereka yang kembali kepadaKu dengan hati yang sihat sejahtera" (As-Syua'ra 87-89).

Hari ini ramai yang menunaikan solat, puasa, haji, berzakat, bersedekah namun tidak menjaga hati mereka. Cuba kita ambil sedikit masa dalam hidup kita seharian untuk merenung dan membuat refleksi ke dalam diri sebelum tidur misalnya dan bertanya diri sendiri adakah "hatiku sihat"? Adakah "hatiku" selamat? Tidak guna jika kita setiap tahun pergi menunaikan haji, berpuluh-puluh kali menunaikan umrah, bersedekah, berzakat dan lain-lain namun hasad dengki, iri hati, riak, bangga diri (ujub), sum'ah, *ghibah* (mengumpat), cintakan dunia, gila kuasa dan pangkat, suka menzalimi dan menindas orang lain, suka memperlekeh dan menghina orang lain, dan pelbagai penyakit-penyakit hati yang lain masih kuat bersarang dan sehati dengan jiwa kita. Semua amalan-amalan kebajikan kita itu nanti akan sia-sia belaka, terpaksa diguna untuk "membayar" dosa-dosa kita kepada manusia dan kerana melakukan dosa besar kepada Allah SWT.

Q. Adakah Perubahan Ini Suatu Yang Mampu Dicapai?

A. Ya, perubahan ini bukan suatu yang mustahil atau memerlukan kuasa ajaib untuk mencapainya. Ia mampu dicapai dengan syarat seseorang itu istiqamah bermujahadah melawan nafsunya dan sentiasa berusaha membersihkan hatinya. Sheikh Abdul Rahman al-Sanghourî r.a menegaskan dua perkara penting yang perlu diamalkan untuk mendapatkan 'hati yang bersih' iaitu dengan "*zikir*" yang berterusan dan "*muzakarah*", iaitu menekuni ilmu-ilmu tradisional Islam samada Islam, Iman mahupun Ihsan.

Seseorang yang menjalani jalan kerohanian juga hendaklah sentiasa cuba mengamalkan semua ajaran al-Qur'an dan menjadikan al-Qur'an hidup dalam dirinya, sebagai akhlaknya, mencontohi apa yang telah dilakukan oleh Baginda SAW sepertimana yang digambarkan oleh Sayyidatina Aisyah r.a bahawa akhlak Baginda SAW adalah al-Qur'an. Ianya boleh dilakukan dengan pertama sekali mengambil langkah "mendengar" ceramah-ceramah atau tazkirah berhubung akhlak yang terpuji, kemudian "mengamalkan" nya apa yang didengar dan dipelajari itu dan seterusnya menjadikan satu demi satu sifat terpuji itu sebagai tabiat sehinggalah lama kelamaan ianya menjadi sehati menyerap sebagai akhlak kita atau disebut dalam ilmu tasawuf sebagai salah satu "maqam" rohani seseorang. Perkara ini perlu kepada keinginan, kesungguhan, semangat yang tinggi dan mujahadah berterusan untuk berubah atau apa yang sering disebut sebagai "*himmah*". Ianya tidak boleh dilakukan secara tergopoh-gapah dan mengharap keputusan perubahan segera, sebaliknya hendaklah dengan perlahan-lahan tetapi berterusan (*dawam*) dan istiqamah kerana amalan yang dilakukan secara bergopoh-gapah hanya akan mencabut barakahnya. Kurniaan kejayaan dan kasih sayang Allah SWT pula hanya akan sampai apabila wujudnya keseimbangan dalam fakulti-fakulti kerohanian seseorang dan ia bebas dari sifat-sifat keji (*mazmumah*).

Q. Apakah perlu perubahan itu melibatkan berpakaian compang camping?

A. Di awal ilmu tasawuf berkembang melahui kelahiran tarekat-tarekat, mereka

yang berjalan di jalan kerohanian ini disarungkan dengan pakaian yang compang-camping, bertampal atau disebut "khirqah" . Ianya secara khusus kepada mereka yang bersama dengan sesuatu tarekat, dengan tujuan sebagai simbolik melambangkan seseorang itu telah bulat bermatlamatkan Allah dan bukan dunia yang menipu. Ianya diharapkan akan turut melahirkan perasaan zuhud dalam diri pemakai. Namun amalan itu jarang diteruskan lagi hari ini namun semangat agar setiap mereka yang berbaiah untuk bersama sesebuah tarekat itu perlu bersedia untuk mentransformasikan diri masih merupakan asas utama kepada semua tarekat hari ini. Oleh itu yang ditekankan kini bukannya pemakaian "khirqah" itu tetapi hati "dipakaikan" dengan kecintaan kepada Allah dan dihidupkan dengan Allah sebagai matlamat utama kejadiannya.

Wa ma tawfiqi illa billah. Wallahu'alam.

Naskhah ini sebelum suntingan untuk terbitan Majalah Q&A isu no. 17 terbitan [Galeri Ilmu Sdn.Bhd.](#)

Permulaan Jalan Kerohanian

Q. Apakah permulaan dalam menjalani Jalan Kerohanian?

A. Niat yang betul. Mereka yang telah bersedia untuk menjalani Jalan Kerohanian hendaklah meletakkan niat yang jelas dan mantap berhubung tindakan yang mereka ambil itu sesuai dengan perintah Allah bahawa 'setiap amalan itu bermula dengan niat' [Muslim 3.1515-16:1907]. Niat yang betul iaitu untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT semata-mata dan bukannya untuk niat yang selain darinya. Ada sesetengah daripada kita yang mengambil tindakan untuk mengikut sesuatu tarekat semata-mata untuk berdampingan dengan orang-orang tertentu dalam tarekat yang mempunyai kedudukan dan pangkat yang mungkin boleh membantu mereka dalam urusan duniawi, atau untuk bersama-sama dengan kelompok elit, misalnya. Ada juga yang bersama tarekat untuk mendapatkan keberkatan agar perniagaan mereka laris. Ini semua bukan niat yang betul. Hanyasanya mereka yang berniat ikhlas semata-mata kerana Allah Taala sahaja, untuk mendekatkan diri denganNya sahaja lalu beliau akan dipermudahkan urusan untuk mendekatkan diri denganNya.

Q. Selain daripada niat yang betul, apakah lagi yang diutamakan dalam menjalani Jalan Kerohanian?

A Ilmu dan Amal. Penekanan seterusnya bagi mereka yang ingin menjalani Jalan Kerohanian adalah perlu memahami bahawa Jalan Kerohanian menuju Allah SWT bukanlah jalan yang boleh dicapai dengan hanya melalui pembacaan yang banyak, berguru dengan ramai orang atau seumpamanya tetapi merupakan **pengamalan** kerohanian. Dalam ertikata lain **amal** itu merupakan suatu kemestiaan dalam menjalani jalan kerohanian ini sekiranya benar-benar ingin melihat ianya membuah hasil. Walaupun seseorang itu telah mengkhhatamkan ratusan kitab-kitab tasawuf namun jika tidak beramal dengan amalan ahli tasawuf yang

termaktub dalam kitab-kitab tersebut, maka beliau belum boleh dikira tergolong di kalangan mereka yang menjalani Jalan Kerohanian atau seringkali disebut 'salik'. Ada juga di kalangan sesetengah pengikut tarekat yang begitu berbangga menjadi murid kanan Sheikh, atau generasi terawal yang berbaiah dengan sheikhnya, tetapi kalau dilihat dari segi amalannya, mereka ini jauh tidak mengamalkan apa-apa pun dari ajaran tasawuf walaupun mereka sudah berpuluh tahun berbaiah dengan Syeikh mereka, berbanding dengan anak-anak murid yang baru berjinak dengan ilmu tarekat tetapi tekun beramal dengan ajaran gurunya satu demi satu. Jalan Kerohanian atau tarekat bukanlah perkumpulan untuk orang elit, atau berprestij. Ianya juga tidak memberi makna kepada orang yang samada lama atau baru menjalani jalan ini sekiranya yang lama itu tidak beramal dengan apa-apa pun ajaran ini. Oleh itu, soal banyak membaca kitab-kitab tasawuf, tempoh lama berbaiah dengan Syeikh dan mengambil tarekat dengannya, bukanlah menggambarkan seseorang itu sudah tinggi martabat kerohaniannya jika beliau tidakpun beramal dengan ajaran tasawuf yang dipelajarinya. Pengamalannya pula bukan sekadar ritual dan fizikal semata, tetapi hendaklah turut beramal dengan amalan batin yang telah kita terangkan sebelum ini.

Q. Bagaimana cara memilih tarekat yang betul?

A. Silsilah Bersambung. Pernah kita jelaskan sebelum ini bahawa dalam memilih tarekat yang ingin disertai hendaklah melihat kepada Silsilah tarekat berkenaan adakah bersambung kepada Baginda SAW. Tarekat terlalu banyak dalam masyarakat kita hari ini dan mereka yang mendakwa "sheikh", "murshid" dan "alim" juga banyak. Namun setiap dakwaan tersebut perlulah dengan pembuktian dan pembuktian tarekat itu sah atau tidak ialah melalui sanad silsilah yang bersambung terus kepada Baginda SAW dari satu guru ke guru yang lain, dari satu generasi ke generasi yang lain. Kesannya sangat parah apabila seseorang itu tersalah masuk dalam tarekat yang palsu yang akan terus membelenggunya dalam kesesatan hingga ke akhir hayatnya tanpa beliau sedari. Terlalu sedih apabila kita melihat disebabkan kesedaran untuk mendekati diri kepada Allah SWT semakin wujud di kalangan masyarakat kita hari ini, namun mereka sering terjerumus dalam 'berguru' dengan guru palsu dan sesat. Kriteria utama yang kita jelaskan sebelum ini ialah guru yang benar ialah guru yang mengikuti Syariat Islam iaitu berpegang kepada al-Qur'an dan As-Sunnah.

Q. Bolehkah bertukar tarekat?

A. Istiqamah. Dalam apa yang dilakukan, Islam menganjurkan agama kita sentiasa istiqamah. Hanya dengan istiqamah barulah akan membuahkan hasil. Ibarat air yang menitik di atas sebongkah batu, tidak akan memberi bekas jika sehari dua, tetapi jika bertahun lamanya sudah pasti akan meninggalkan lekuk pada batu tersebut. Begitu juga menjalani Jalan Kerohanian melalui tarekat adalah seumpama seseorang itu menggali telaga untuk mencari air. Air hanya akan ditemui apabila usaha gigih berterusan dan sampai kepada mata air. Tetapi jika seseorang itu menggali sedalam dua tiga meter, dan berhenti lalu menggali di tempat lain dua tiga meter dan berhenti, maka beliau selam-lamanya tidak akan menemui mata air. Untuk sampai ke penghujung Jalan Kerohanian ini, seseorang itu hendaklah istiqamah, tetapi dalam tarekatnya tidak berubah-ubah dari satu tarekat ke tarekat yang lain. Seringkali terjadi, apabila seseorang yang menjalani jalan tarekat ini diuji dengan

didatangkan Syeikh dalam tarekat yang tidak beliau sertai yang khabarnya mempunyai karamah. Lalu beliau berpindah tarekat meninggalkan tarekat asalnya untuk berbaiah dengan Syeikh yang kononnya mempunyai karamah. Kemudian, beliau mendengar ada Syeikh lain yang mempunyai karamah lebih hebat, lalu beliau bertukar tarekat lagi tanpa kesudahannya. Yakinlah, bahawa jika Allah takdirkan kita dengan tarekat A dan Syeikh A, maka di situlah rezeki kita dan jalan kita untuk menghampiri Allah SWT. Jika Syeikh itu seorang yang murshid yang telah mencapai makrifat, dan tarekat itu pula silsilahnya bersambung tidak putus, maka istiqamahlah dalam tarekat itu nescaya si salik itu juga lambat laun akan mencapai makrifahnya. *Wa ma tawfiqi illa billah. Wallahu'alam.*

17 Ramadhan Memperingati Badar al-Kubra

✘17 Ramadhan bukan sahaja hari turunnya Al-Qur'an ke langit dunia tetapi ianya juga tarikh berlakunya peperangan Badar. Peperangan Badar al-Kubra merupakan peperangan yang amat penting dan bersejarah dalam Islam dan kelangsungan agama Islam. Ianya adalah peperangan yang pertama berlaku setelah baginda Rasulullah SAW berhijrah ke Mafinah. Peperangan ini meletus pada 17 Ramadan 2Hijrah bersamaan 13 Mac 624. Rasulullah SAW bersama 313 sahabatnya telah menentang dan mengalahkan, dengan pertolongan Allah SWT, tentera kafir Quraisy berjumlah lebih seribu orang lengkap bersenjata. Allah SWT telah mengutuskan tenteranya dari kalangan para malaikat untuk membantu Rasulullah SAW sepertimana yang dinyatakan dalam Al-Qur'an.

Dalam peperangan bersejarah itu, 14 orang Mujahidin Islam telah Syahid d mana 6 orang adalah dari kalangan Muhajirin dan 8 dari kalangan Ansar. Mereka adalah:

1. Haritha bin Suraqa al-Khazraji, Rady Allahu 'Anhu.
2. Dhush-Shimaalayn ibn 'Abdi 'Amr al-Muhajiri, Rady Allahu 'Anhu.
3. Rafi' bin al-Mu'alla al-Khazraji, Rady Allahu 'Anhu.
4. Sa'd bin Khaythama al-Awsi, Rady Allahu 'Anhu.
5. Safwan bin Wahb al-Muhajiri, Rady Allahu 'Anhu.
6. 'Aaqil bin al-Bukayr al-Muhajiri, Rady Allahu 'Anhu.
7. 'Ubayda bin al-Harith al-Muhajiri, Rady Allahu 'Anhu.
8. 'Umayr bin al-Humam al-Khazraji, Rady Allahu 'Anhu.
9. 'Umayr bin Abi Waqqas al-Muhajiri, Rady Allahu 'Anhu.
10. 'Awf bin al-Harith al-Khazraji, Rady Allahu 'Anhu.
11. Mubashshir bin 'Abdi'l Mundhir al-Awsi, Rady Allahu 'Anhu.
12. Mu'awwidh bin al-Harith al-Khazraji, Rady Allahu 'Anhu.
13. Mihja' bin Salih al-Muhajiri, Rady Allahu 'Anhu.
14. Yazid bin al-Harith bin Fushum al-Khazraji, Rady Allahu 'Anhu.

Moga-moga Allah meredhai mereka seperti janjiNya dan mencampakkan kita iman Ahlul Badar ini ke dalam hati-hati kita.

Rujukan lanjut:

Imam Abu'l Fida' Isma'il ibn Kathir, *As-Sirat u'n Nabawiyya*, Vol. 2, Dar u'l Kitab al-'Arabi, p. 432-447.

Shaykh 'AbdurRahman al-Azhari, *Asma' Ahl Badr*, Maktaba Isha'a al-Islam, Delhi, n.d.

Tasawuf bersumber hadith dhaif?

✘Q. Benarkah kitab tasawuf bersumberkan hadith dhaif?

A. Pengkritik dan golongan anti-tasawuf seringkali menuduh bahawa kitab-kitab karangan para ulama' tasawuf sarat dengan hadith-hadith dhaif. Tuduhan paling berat pernah dihalakan kepada sosok tubuh tokoh tasawuf dan ulama Islam agung yang diberi gelaran "Hujjatul Islam" iaitu Imam al-Ghazali radiyallahu anhu sendiri. Mereka menuduh di dalam karya *magnum opus* empat jilid *Ihya' Ulumiddin* karangan Imam al-Ghazali itu penuh dengan hadith-hadith dhaif. Sebenarnya, perbahasan berhubung dengan kedudukan hadith-hadith dhaif tidak perlulah kita bicarakan di sini kerana perbahasannya yang panjang cuma cukuplah kita nukilkan bahawa para ulama hadith seperti al-Hakim di dalam *al-Madkhal li 'ilm al-hadith*, Imam al-Bayhaqi dalam *Dala'il al-nubuwwah*, Imam Nawawi dalam *al-Tibyan fi 'ulum al-qur'an*. Bahkan Imam al-Sakhawi dalam *al-Qawl al-badi' fi al-salat 'ala al-habib al-shafi'* menyebut bahawa ianya disepakati para ulama yang membenarkan penggunaan hadith dhaif selama mana ianya bertujuan untuk menunjukkan kelebihan-kelebihan sesuatu amalan (*fadha'ilul amal*) dan menggalakkan orang ramai beramal dengannya dan menjauhi dari melakukan maksiat (*al-tarhib wa tarhib*). Status hadith dhaif tidak sama dengan hadith palsu yang sama sekali tidak boleh beramal dengannya bahkan meriwayatkannya juga haram dan berdosa. Namun kelompok pelampau ini telah menyamaratakan hadith dhaif dan hadith palsu sebagai satu kategori sama dan mendakwa kononnya kedua-duanya tidak boleh digunakan sama sekali. Ini telah menimbulkan kekeliruan dan keresahan di kalangan masyarakat dan mula memandang hina terhadap hadith dhaif. Tindakan biadap sebegini tidak pernah diamalkan oleh para ulama silam yang muktabar sejak beratus tahun dahulu dan justeru itu kita jangan keliru dengan propaganda segelintir asatizah yang mempunyai agenda tersendiri yang kononnya ingin membawa aliran islah dan tajdid dalam masyarakat agar beramal hanya dengan hadith Sahih sahaja dan menyeru dibakar kitab *Ihya* Imam al-Ghazali r.a. kerana sarat dengan hadith dhaif.

Q. Imam al-Ghazali jahil ilmu hadith?

A. Antara tuduhan keterlaluan yang dilemparkan terhadap Hujjatul Islam Imam al-Ghazali r.a. ialah kononnya beliau jahil ilmu hadith dan kerana itulah banyak hadith-hadith dhaif dalam *Ihya' Ulumiddin*. Ada juga yang mendakwa kononnya di akhir hayat beliau, Imam al-Ghazali r.a. meninggalkan tasawuf dan menjadi ahli hadith kerana beliau ditemui meninggal dunia dengan kitab Sahih Bukhari di tempat tidurnya. Harus diingati bahawa tiada manusia lain di atas mukabumi ini yang digelar "Hujjatul Islam" melainkan Imam al-Ghazali r.a. Gelaran itu diberikan oleh masyarakat pada zamannya kerana kehebatan ilmu yang beliau miliki yang tiada tolok tandingnya. Imam Salahuddin al-Safadi (w.764) yang mengarang kitab *al-Wafi*, sebuah kitab biografi para ulama silam atau digelar 'tabaqat' yang mengandungi 14,000 para ulama menyebut bahawa bahawa "Imam al-Ghazali adalah seorang ulama mazhab Shafi'e yang tiada tandingnya di zaman beliau". Beliau disanjung ulama silam dan kontemporari. Ulama kontemporari seperti Sheikh Dr Yusuf al-Qaradhawi menyebut bahawa Imam al-Ghazali r.a. adalah mujaddid kurun ke-5 hijri sepertimana Imam al-Shafie di zamannya dan Umar bin Abdul Aziz di zamannya.

Yang lantang mengkritik Imam al-Ghazali r.a. sebenarnya hanyalah beberapa orang tokoh ulama seperti ulama anti-sufi seperti Ibn al-Jawzi melalui kitabnya *I'lam al-ahya' bi aghlat al-Ihya'* dan *Talbis Iblis*, dan diikuti oleh Ibn Taymiyyah dan muridnya al-Dhahabi. Manakala majoriti ulama di zaman Imam al-Ghazali r.a. dan selepasnya semuanya mengkagumi kehebatan beliau. Hari ini kelompok 'islah dan tajdid moden' yang mengkritik Imam al-Ghazali r.a. mengutip kembali kritikan-kritikan ketiga-tiga orang tokoh ulama ini dan menghamburkannya kepada masyarakat sehingga masyarakat hilang hormat pada Imam al-Ghazali r.a.

Sebagai manusia biasa, Imam al-Ghazali r.a. sudah tentu ada kelemahannya namun sumbangan besar Imam al-Ghazali dalam ilmu akhlak atau tasawuf melalui karya *Ihya Ulumiddin*nya itu tidak dapat dinafikan oleh sesiapa sekalipun sehingga dikatakan "andaikata seluruh kitab-kitab di atas mukabumi ini musnah, dan tinggal *Ihya* sahaja, maka ianya sudah memadai untuk membimbing manusia". Imam Fakhruddin al-Razi mengatakan bahawa "seolah-olah Allah SWT mengumpulkan seluruh ilmu di bawah satu bumbung dan menunjukkannya kepada Imam al-Ghazali" r.a.

Ya, memang diakui bahawa hadith-hadith dalam *Ihya* ada yang bersifat Hadith Dhaif sepertimana senarai yang diberikan oleh Imam Tajuddin al-Subki dalam *Tabaqat al-Shafi'iyyah* nya, namun sebagai sebuah kitab akhlak yang bertujuan untuk 'menggalakan beramal dan menjauhkan maksiat' (*targhib wa tarhib*), ianya dikira tidak menyalahi disiplin ilmu hadith seperti yang kita sebut sebelum ini. Kerana itulah tokoh-tokoh hadith seperti Imam al-Hafiz Al-'Iraqi (w.806) dan Imam al-Hafiz al-Zabidi (w.1205) ketika menyemak satu persatu hadith-hadith dalam *Ihya* mengatakan bahawa *Ihya'* secara keseluruhannya sebuah kitab tasawuf yang cukup hebat walaupun di sana ada hadith-hadith dhaif. Bahkan mereka ini, seperti Zainuddin al-Iraqi, Ibn Hajar, al-Zabidi dan ramai lagi turut mengarang Syarah berjilid-jilid kepada kitab *Ihya* yang hanya empat jilid. Imam al-Safadi turut mengatakan bahawa kritikan terhadap *Ihya* hanya kerana di sana ada hadith-hadith dhaif tidak boleh diterima kerana kriteria ketat untuk hadith hanyalah dalam hal-hal Aqidah dan Fekah sepertimana disepakati majoriti ulama. Adapun dalam hal-hal tasawuf, akhlak atau etika,

maka kelonggaran diberi di sana.

Tuduhan bahawa Imam al-Ghazali r.a. tidak belajar ilmu hadith juga adalah tuduhan biadap yang pernah kita dengar berlegar di dalam masyarakat kita hari ini. Ianya tidak benar samasekali, walaupun kepakaran Imam al-Ghazali r.a. lebih menonjol dalam bidang Tasawuf, namun kita tidak boleh menafikan bahawa beliau juga pernah mendalami ilmu hadith. Ibn 'Asakir turut menyebut bahawa Imam al-Ghazali r.a. pernah belajar Sahih Bukhari dari Imam Abu Sahl Muhammad ibn Ahmad al-Hafsi. Manakala guru-guru hadithnya yang lain ialah seperti Imam Nasir ibn 'Ali ibn Ahmad al-Hakimi al-Tusi, pakar hadith Imam Abu al-Fityan 'Umar ibn Abi al-Hasan al-Ru'asi al-Dahistani dan ramai lagi. Wallahu'alam.

Tasawuf vs Karamah

✘Q. Bertasawuf untuk mendapat karamah?

A. Ada segelintir masyarakat kita yang cukup berminat mendalami ilmu tasawuf dengan harapan apabila mengikuti jalan tasawuf ini, berguru dengan guru-guru tarekat, maka kononnya satu hari kelak mereka akan dianugerahi Allah SWT dengan pelbagai keajaiban atau perkara pelik yang disebut "keramat" – perkataan yang berasal dari bahasa Arab yang diMelayukan sebenarnya iaitu "karamah". Antara perkara pelik atau yang dikatakan perkara yang di luar adat kebiasaan atau disebut juga 'mencarik adat' (*khariqul adah*) ialah seperti dapat berjalan di atas air, boleh terbang di udara, tidak lut ditikam dan seumpamanya. Karamah ini sebenarnya adalah anugerah Allah SWT kepada orang yang soleh. Cuma ianya perlu dibezakan kerana tidak semua perkara yang ajaib, pelik dan di luar adat kebiasaan itu berupa karamah kerana ada ketikanya ianya adalah sihir dan ada ketika juga berupa bentuk 'istidraj' iaitu kejadian pelik yang dizahirkan disebabkan kebencian Allah SWT kepada orang berkenaan agar dengan itu semakin jauh dan sesat lagi. Jika kepada para Nabi dan Rasul, Allah anugerahkan dengan mukjizat, maka kepada mereka yang soleh pula Allah anugerahkan karamah. Tetapi tidak semua Nabi dan Rasul itu memiliki mukjizat, begitu juga tidak semua orang soleh atau wali itu ada karamah.

Kalau seseorang itu bertasawuf dengan niat untuk mendapatkan karamah, maka sebenarnya beliau sudah tersasar dari matlamat dan tujuan tasawuf yang sebenar. Tasawuf seperti yang dinyatakan sebelum ini adalah ilmu untuk mendekatkan diri dengan Allah SWT melalui penyucian hati dari sifat-sifat mazmumah, ilmu untuk mengikhlaskan hati agar dengan itu senantiasa merasakan Allah SWT itu memerhati setiap gerak geri kita atau disebut 'muraqabah' Kalau seseorang diajak untuk mengikut sesuatu jalan tarekat kononnya untuk mendapatkan karamah-karamah tertentu, maka itu sudah memadai menjadi petunjuk

bahawa tarekat tersebut sudah menyimpang dari prinsip-prinsip ajaran tasawuf yang sebenar.

Benar, karamah itu ada dalam ajaran Islam tetapi ia bukan suatu yang menjadi matlamat atau tujuan kita. Ianya merupakan anugerah Allah SWT kepada hambanya yang soleh tanpa beliau meminta diberikan karamah tersebut. Seorang ulama tasawuf pernah menyebut bahawa sebenarnya setiap kita mempunyai karamah, iaitu apabila doa kita dimakbulkan oleh Allah SWT. Itu juga merupakan satu bentuk karamah yang kita tidak boleh memandang ringan.

Q. Tasawuf Tolak Dunia?

A. Ini juga salah satu dari tohmahan yang dihamburkan kepada ahli-ahli tasawuf kerana kononnya mereka ini menolak dunia kerana berpegang kepada prinsip 'zuhud'. Zuhud sepertimana yang dijelaskan oleh para ulama tasawuf sebenarnya tidak bermaksud menolak dunia tetapi sebaliknya membawa maksud dunia itu tidak dijadikan matlamat hidup seseorang. Dalam ertikata mudah sepertimana yang sering didengari hari ini iaitu 'meletakkan agama / akhirat di dalam hati, manakala dunia hanya sekadar di tangan sahaja'. Oleh itu zuhud itu bukan terletak kepada sejauh mana kemiskinan atau ketiadaan harta seseorang. Orang yang miskin tidak semestinya seorang yang zuhud atau disebut 'zahid'. Andai beliau diberi peluang dengan segala kekayaan, kemungkinan beliau akan menjadi lebih rakus dan tamak dengan dunia melebihi orang lain. Beliau kelihatan 'zuhud' hanya kerana keadaan beliau masakini yang ketiadaan harta atau miskin. Begitu juga sebaliknya, seseorang yang kaya raya, bukanlah bermakna beliau seorang yang cintakan dunia dan rakus kepada dunia. Faham zuhud yang sebenar ialah seseorang itu di dalam hatinya "tidak merasa keterikatan dengan dunia". Inilah yang disebut oleh Ibrahim bin Adham iaitu "zuhud itu mengosongkan hatimu dari dunia, dan bukan mengosongkan dari tanganmu". Inilah zuhud para arifin. Kita sering juga mendengar ungkapan berbunyi "bukanlah zuhud itu dengan ketiadaan harta, tetapi hakikat zuhud yang sebenar ialah ketiadaan dunia dalam hati" . Begitu juga ungkapan sebaliknya iaitu "kekayaan itu bukanlah dengan memiliki harta yang banyak, tetapi kaya itu ialah kaya jiwa". Pernah diriwayatkan seorang ahli tasawuf berkata kepada seorang pembesar dengan katanya "aku lebih kaya dari kau". Pembesar tersebut membantah kerana mustahil ahli tasawuf itu lebih kaya kerana beliau tidak memiliki sebarang harta kekayaan sedangkan pembesar itu memiliki harta yang banyak. Lalu beliau bertanya kepada pembesar tersebut adakah beliau masih menginginkan harta lagi? Pembesar itu mengiyakan, sudah tentu. Maka ahli sufi itu membalas, kerana itu aku katakan aku lebih kaya dari engkau kerana walaupun aku tidak memiliki harta sebanyak engkau, namun aku tidak teringin lagi kepada harta yang lain. Dengan kisah ini rasanya jelaslah kepada kita bahawa zuhud (atau kaya) itu sebenarnya adalah **keadaan hati**, dan ianya adalah suatu yang bersifat dalaman (batin) dan tiada kena mengena dengan sejauh mana banyaknya pemilikan harta kekayaan seseorang atau bagaimana penampilan luaran beliau. Orang yang tidak meletakkan dunia dalam hatinya maka beliaulah orang yang zuhud pada hakikatnya walaupun mungkin beliau dianugerahi Allah harta kekayaan yang melimpah ruah. Yang dicela dalam Islam bukan harta kekayaan itu, tetapi sikap kita terhadap dunia. Adakah kita seorang yang rakus dan cintakan dunia atau mengambil dunia sebagai keperluan mencari keredhaan Allah.

Q. Tasawuf untuk Kasyaf ?

A. Kasyaf dari segi bahasanya bermaksud 'bukaan'. Ia membawa maksud dibuka perkara-perkara yang tidak nampak secara zahirnya oleh mata kasar orang ramai kepada orang-orang soleh yang terpilih. Ini juga adalah anugerah dari Allah SWT. Ada sesetengah orang yang menjalani jalan tasawuf ini dianugerahi Allah dengan kelebihan ini sehingga disingkap kepada mereka perkara yang tidak nampak oleh orang ramai. Namun itu bukanlah matlamat bertasawuf. Kalau seseorang itu mengikuti jalan tasawuf demi untuk dapat melihat perkara-perkara yang tidak dapat dilihat oleh orang lain, maka beliau sebenarnya telah tersasar dari matlamat tasawuf. Kasyaf ini dianugerahkan sebenarnya untuk membantu para guru-guru mursyid membimbing muridnya ke jalan mendekati Allah dengan lebih berkesan. Ini juga satu bentuk karamah orang-orang soleh. Namun orang-orang yang diberi anugerah kasyaf ini mempunyai adab-adab yang mesti dipatuhi, antaranya tidak menceritakan singkapan hijab yang Allah zahirkan padanya untuk menceritakan keburukan orang lain yang dia nampak yang tidak nampak oleh orang ramai. Wallahualam.

Pengenalan Amalan Kerohanian

✘Q. Apa pentingnya amalan kerohanian?

A. Seperti yang kita tegaskan sebelum ini, orang yang sembahyang walaupun semua rukun fi'li dan qaulinya sah, namun jika hatinya lalai dan tidak khusyuk dari mengingati Allah maka sembahyangnya tidak memberi apa-apa makna. Bukan sahaja tidak mendapat pahala, tetapi dicela sepertimana firman Allah Ta'ala yang mafhumnya "Maka celakalah (Neraka Wail) bagi orang yang sembahyang, iaitu orang-orang yang lalai dalam sembahyangnya, orang-orang yang berbuat riya" (Al-Maa'un 4-6). Begitu juga bagi mereka yang bersedekah, tetapi jika tidak ikhlas tetapi sebaliknya riak, maka kecelakaan juga bagi mereka yang sedemikian. Apa yang nyata dari kita persoalan khusyuk, ikhlas, taubat, sabar, tawakal, qanaah, syukur, yaqin, malu, warak, tawaduk, takut, harap dan lain-lain bukan amalan fizikal tetapi amalan hati, atau disebut amalan kerohanian kerana ianya berkait rapat dengan kedudukan roh samada bersih atau kotor. Roh yang bersih akan memiliki sifat-sifat terpuji (mahmudah) yang kita sebutkan sebentar tadi, manakal roh yang kotor akan penuh dengan sifat-sifat terkeji (mazmumah) seperti suka menunjuk-nunjuk (riyak), suka dipuji (sum'ah), bangga diri (ujub), sombong takabbur, pamarah, tamak haloba, hasad dengki, dan lain-lain. Amalan yang diterima oleh Allah SWT hanyalah amalan yang ikhlas dibuat semata keranaNya. Adapun amalan yang dicemari dengan niat-niat lain, maka ianya tertolak. Mendalami dan mengamalkan ilmu tasawuf ini merupakan salah satu dari fardhu ain terhadap seluruh umat Islam yang seringkali diabaikan oleh ramai manusia hari ini walaupun mereka mendirikan solat, menunaikan haji, berzakat dan seumpamanya.. Lantaran itulah Imam Abu'l Hassan al-Shadhili mengingatkan betapa bahayanya orang yang memberi perhatian kepada amalan zahir semata,

dengan meninggalkan aspek kerohanian amalan tersebut dengan ungkapan beliau: "Sesiapa yang tidak menyibukkan dirinya dengan ilmu tasawuf ini, dikhuatiri beliau akan mati dalam dosa besar sedangkan beliau tidak menyedarinya (*Man lam yataghalghal fi `ilmina hadha ma-ata musirran `ala al-kaba`iri wa huwa la yash`ur*)

Q. Sunnah Nabi SAW mengikut amalan zahir sahajakah?

A. Bagi masyarakat awam, mereka melihat Sunnah Nabi SAW itu kepada definisi biasa iaitu kata-kata, amalan dan ikrar Baginda SAW. Tidak salah dengan takrifan ini, cuma bagi para ulama tasawuf, mereka turut memasukkan keadaan kerohanian (*hal*) Baginda SAW sebagai sebahagian dari Sunnah Nabi SAW yang mesti kita cuba mencapainya sebaik mungkin. Sememangnya tiada manusia yang boleh menandingi kekhusyukan Nabi SAW mendirikan Solat sehingga bengkak-bengkak kaki Baginda SAW, sehingga diumpamakan burung pun boleh bertenggek di atas badan Baginda SAW ketika Baginda solat bagi menunjukkan lamanya Baginda SAW berdiri dan khusyuknya sehingga tidak menggerakkan badannya. Namun itu tidaklah bermakna kita tidak perlu bermujahadah untuk khusyuk dalam Solat, cuba untuk ikhlas sebaik mungkin dalam apa jua amalan yang kita lakukan.

Q. Tasawuf itu Ikhlas?

A. Ya, tasawuf itu pada asasnya adalah Ihsan yang diambil dari mafhum hadith Jibril a.s. yang menyebut tentang Ihsan di mana Baginda SAW bersabda mafhumnya "Kamu menyembah Allah seakan-akan kamu melihatNya, jika kamu tidak mampu melihatnya maka yakinlah Dia melihatmu". Apabila seseorang mampu merasakan Allah itu memerhati kita, sudah tentu amalan kita juga terbaik kerana malu kepada Pencipta yang sedang melihat kita. Dalam keadaan sedemikian, sudah pasti amalan kita juga terbaik dan amalan yang terbaik dalam Islam disebut amalan yang ikhlas. Oleh kerana itu para ulama tasawuf seringkali memberi perhatian dan penekanan terhadap niat, fikiran, hati dan kesedaran agar menjurus bulat dan mutlak kepada Allah, KebesaranNya, KehebatanNya, dan kesyukuran kepadaNya semata-mata – bukan kepada anugerah ketuhanan yang diberikanNya untuk amalan sedemikian, atau matlamat peribadi yang lain. Allah Maha Agung berfirman mafhumnya. Ini bersesuaian dengan mafhum Firman Allah Ta'ala: "Barangsiapa mengharap perjumpaan dengan TuhanNya maka hendaklah ia mengerjakan amal yang soleh, dan janganlah ia mempersekutukan seseorangpun dalam beribadat kepada Tuhannya" (*Al-Kahfi*:110).

Q. Apa itu Ikhlas?

A. Ikhlas itu ialah melakukan sesuatu amalan bulat semata-mata kerana Allah Ta'ala tanpa dicampuri dengan niat lain. Sebab itulah adalah tidak sesuai bagi amalan-amalan kerohanian dalam jalan keikhlasan ini mementingkan kepentingan diri, samada duniawi atau ukhrawi. Seseorang 'ulama' seperti Imam Ghazali dalam *Minhajul Abidin* berpegang bahawa mencari sesuatu selain dari ganjaran terhadap amalan berkenaan hanya akan membatalkan segala nilainya di sisi Allah.

Ikhlas sepenuhnya mungkin tidak mampu dicapai oleh kebanyakan orang dalam sekelip mata kerana kebiasaannya niat kita akan bercampur-baur, ada untuk kepentingan diri dan ada juga untuk mencari redha Allah. Allah amat murka

apabila hambaNya berkongsi dengan selain darinya atau “syirik” kepadaNya dalam mengerjakan sesuatu amalan. Namun usaha perlu dilakukan agar hanya kerana Allah sahaja yang dicari dalam setiap amalan, gerak geri dan hembusan nafas sekali pun. Kesukaran kita mendapatkan ikhlas antara lain kerana suasana kehidupan kita hari ini yang penuh kebendaan, materialistik sehingga merosakkan jiwa dan roh kita. Roh kita hari ini sebenarnya “sakit” kerana kita tenggelam dalam kerakusan duniawi dan untuk memulihkannya perlu kepada perjuangan berterusan. Untuk mencapai ikhlas, kita perlu rawat roh yang sakit ini dan lakukannya secara berperingkat-peringkat seumpama seorang yang sakit lama terbaring tak bergerak dan kemudiannya mula menggunakan kembali otot-ototnya yang lama tidak digunakan, dengan berlatih berjalan sedikit demi sedikit semakin jauh setiap hari sehinggalah kemudiannya mampu berjalan sejauh mana yang ia kehendaki. Maka begitulah juga ikhlas yang perlu kepada latihan yang lama untuk mencapainya.

Ada juga di kalangan masyarakat yang melakukan amalan beribadat kerana kebiasaan, secara automatik, tanpa ada sebarang niat dalam hati mereka. Ini banyak terjadi dalam masyarakat kita kerana kebiasaan seharian masyarakat dan budaya setempat sehingga menjadikan kita lupa matlamat kita beramal itu sebenarnya mencari redha Allah. Mereka yang melakukan amalan kerana kebiasaan sebenarnya tidak menyembah Allah dan tidak juga menyembah selain Allah, dan mereka ini tidak akan memperolehi apa-apa selain menghabiskan masa begitu sahaja.

Wallahu’alam.

Asal Kalimah ‘Tasawwuf’

✘ Asal Kalimah ‘Tasawwuf’

Para ulama berbeza pendapat bagaimana asal-usul kalimah ‘tasawwuf’ mula digunakan. Berikut adalah antara pandangan pandangan yang popular:

(i) Berasal dari kalimah Arab “*safaa*” (صفا) yang membawa maksud bersih dari kekotoran. Yang dimaksudkan bersih dari kekotoran di sini ialah kebersihan hati rohani dari sifat-sifat keji dan digantikan dengan sifat ikhlas. Ini seperti yang diungkapkan oleh tokoh sufi yang terkenal Bishr ibn Harith “Ahli sufi ialah mereka yang ikhlas (*safaa*) hati mereka terhadap Allah”.

(ii) Ada yang berpendapat ianya berasal dari kalimah Arab “*suff*” yang membawa maksud bulu haiwan. Ini kerana golongan sufi ini dikatakan kebiasaannya menggunakan pakaian yang diperbuat dari bulu haiwan.

(iii) Ada juga yang berpendapat ianya diambil dari kalimah Arab "**saff**" yang bermaksud barisan kerana golongan sufi ini dikatakan menduduki barisan pertama di sisi Allah kerana kecintaan mereka yang tinggi terhadap Allah dengan hati mereka sentiasa bersama Allah.

(iv) Mereka juga dikatakan menyamai golongan *Ahlul Suffah* yang hidup di zaman Rasulullah S.A.W. lantas mereka digelar ahli sufi.

Walau dari mana asalnya kalimah tasawwuf ini, apa yang lebih penting dari itu ialah konsep yang ingin dibawakan oleh ilmu ini. Ringkasnya, ilmu ini mengajak manusia ke arah membersihkan hati dari sifat-sifat keji dan menghiasinya dengan sifat-sifat terpuji.

Bagaimana Asal Ilmu Tasawwuf?

Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai sumber ilmu untuk seluruh manusia. Baginda adalah sebaik-baik makhluk dan sesempurna kejadian. Tiada seorang manusia pun yang boleh menandingi Baginda SAW dari segi kesempurnaannya. Melalui lidah mulia Baginda SAW, kita menerima wahyu Allah SWT yang dinamakan al-Qur'an. Seterusnya Baginda SAW menjelaskan lagi berhubung dengan al-Qur'an dan Islam melalui Hadithnya.

Selepas Baginda SAW wafat (w. 11H / 632M), tiada lagi manusia sempurna (*insan kamil*) yang boleh menjawab semua persoalan dan memandu umat ke jalan yang direndhai Allah SWT. Lantas para ulama merasakan perlunya mempertahankan ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW agar tidak berlaku penyelewengan dari sumber asalnya. Maka ilmu-ilmu Islam mula berkembang yang kesemuanya diambil sandarannya berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith Baginda SAW. Dari situlah ilmu seperti ilmu Tafsir, ilmu Hadith, ilmu Fekah, ilmu Tajwid, Aqidah, Nahu dan pelbagai disiplin ilmu Islam yang lain muncul. Imam Abu Hanifah (w. 157H / 767M) misalnya mengembangkan ilmu fekah dan selepas beliau termasuk Imam Malik (w.175H / 795M), Imam Shafi'e (w. 205H / 820M) dan Imam Ahmad bin Hanbal (w.241H/ 855M) dan ribuan para ulama lain selepas mereka ini yang turut menjelaskan tentang persoalan fekah. Begitu juga Imam Bukhari (w.256H/ 870M) menjadi pengasas kepada ilmu Hadith dan selepas beliau muncul ulama-ulama hadith lain yang menjejaki usaha beliau.

Setiap ilmu itu muncul demi menjaga keaslian ajaran baginda Rasulullah SAW dari diselewengkan. Ilmu Tafsir misalnya, bagi menjaga tafsir ayat-ayat Allah agar tidak ditafsir sewenang-wenangnya; ilmu Hadith, bagi menjaga Sunnah Nabi SAW, membezakan antara hadith yang sahih dan palsu dan pelbagai jenis hadith yang lain; ilmu Tajwid bagi menjaga kesucian bacaan al-Qur'an yang betul seperti yang diajarkan oleh Baginda SAW, dan begitu juga ilmu-ilmu lain yang setiap satunya mempunyai matlamatnya menjaga aspek atau disiplin tertentu dari ajaran Islam. Kesemua ilmu-ilmu ini tidak pernah wujud di zaman Rasulullah SAW sebagai suatu "disiplin yang khusus" kerana ianya tidak perlu memandangkan Rasulullah SAW masih hidup dan segala persoalan boleh terus dimajukan kepada Baginda SAW untuk jawapan. Tetapi apabila Baginda SAW wafat, di sana ada keperluan yang dirasakan oleh para ulama agar umat terbimbing dan kemurnian ajaran Islam dapat dipertahankan.

Begitu juga kemunculan ilmu Tasawwuf ini adalah berdasarkan keperluan semasa

setelah semakin jauhnya umat Islam dengan zaman Baginda Rasulullah SAW, penghayatan terhadap ajaran Islam juga semakin luntur. Apabila Empayar Islam semakin meluas, kecintaan kepada harta benda duniawi menjadi melampau sehingga menghilangkan fokus terhadap matlamat manusia diutuskan Allah SWT di atas mukabumi. Sifat-sifat keji (*mazmumah*) semakin subur sehingga membawa kepada perpecahan dan perbalahan yang parah di kalangan umat Islam.

Ilmu Tasawwuf ini adalah untuk mengembalikan manusia kepada fitrahnya yang asal yang suci bersih melalui amalan-amalan penyucian diri rohani (hati) dari sifat-sifat keji (*mazmumah*) dan menghiasi diri dengan sifat-sifat terpuji (*mahmudah*). Sebagai contoh bagaimana untuk bersifat dengan sifat ikhlas dan membuang perasaan riya', takabbur, hasad dengki dan seumpamanya. Bagaimana untuk bersifat ihsan iaitu "menyembah Allah sepertimana kamu melihatNya, dan jika kamu tidak melihatNya, yakinlah Allah melihatmu" seperti yang disebutkan dalam Hadith Jibril a.s yang terkenal itu. Aspek ini semua ditekankan dalam bidang ilmu yang dipanggil ilmu Tasawwuf. Ada juga nama-nama selain ilmu Tasawwuf seperti *Ilmu Akhlak*, *Tahzib al-Akhlaq*, *Tazkiyat al-Nafs*, *Ilmu Ihsan* dan sebagainya, tetapi semuanya membawa maksud yang satu dan menjurus kepada matlamat yang sama.

Apakah Matlamat Ilmu Tasawwuf?

Rasulullah SAW merupakan model ikutan umat Islam dalam semua aspek kehidupan. Mengikut Rasulullah SAW bukan sahaja amalan luaran zahirnya sahaja tetapi sepatutnya turut mencontohi Baginda SAW dalam amalan batinnya. Bagaimana Rasulullah mengajar untuk bersifat ihsan dalam kehidupan seharian. Hakikatnya dalam kehidupan kita ini, semua perbuatan terbahagi kepada dua aspek, iaitu luaran dan dalaman atau zahir dan batin. Sebagai contoh, solat. Yang zahir yang dilihat orang ialah pergerakan kita dari satu rukun fi'li ke rukun yang lain, manakala yang batinnya yang tidak diketahui sesiapa pun ialah aspek "khusyuk" dalam solat itu. Begitu juga dalam bersedekah, yang zahirnya ialah jumlah wang atau barangan yang disedekahkan, tetapi aspek batinnya ialah bagaimana kedudukan hati orang bersedekah itu ketika beliau melakukan amalan tersebut. Adakah beliau ikhlas atau sebenarnya untuk menunjuk-nunjuk dan mendapat pujian manusia?

Kedua-dua aspek zahir dan batin adalah penting dalam Islam. Ilmu tasawwuf menitikberatkan model Rasulullah SAW dalam aspek batin, manakala aspek zahir amal ibadat dibincangkan dalam ilmu yang disebut ilmu Fekah. Seseorang yang solat dari segi fekahnya mungkin kelihatan memenuhi syarat sahnya, tetapi hatinya sebenarnya lalai dari mengingati Allah SWT lalu solatnya menjadi sia-sia bahkan tercela. Orang yang berpuasa misalnya mungkin tidak makan dan minum serta menahan diri dan perkara yang membatalkan puasa sejak terbit fajar hingga terbenam matahari. Dari segi hukum fekah puasanya sah, tetapi beliau sebenarnya tidak menjaga anggota matanya, telinganya, lidahnya dan anggota-anggota lain seperti mengumpat, memfitnah orang dan seumpamanya. Hatinya masih lalai dari mengingati Allah dan masih bersangka buruk terhadap orang lain, bredendam, hasad. Ini menjadikan puasanya walaupun sah tetapi kurang "markah" bahkan boleh menjadi sia-sia sahaja dan beliau memperolehi lapar dan dahaga sepertimana disebutkan dalam banyak hadith Nabi SAW. Persoalan seumpama ini cuba ditangani oleh para ulama tasawwuf yang cuba untuk mendidik hati agar sentiasa berada dalam kesedaran ketuhanan

(*muraqabah*) setiap masa, menyucikan hati dari sifat-sifat keji dan tercela sehingga menjadi hati yang sihat sejahtera (*qalbun salim*). Professor Tan Sri Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas merumuskan tasawwuf dengan begitu menarik sekali dengan ungakapannya “*beramal dengan syariat pada maqam ihsan*”. Wallahu’alam.

[Apa itu Tasawwuf?](#)

✘ Apa itu Tasawwuf?

Tasawwuf ialah salah satu cabang teras ilmu Islam yang wujud sejak zaman berzaman yang sangat penting dalam tradisi ilmu Islam. Ianya memfokuskan kepada pembangunan rohani atau batiniah dan pembinaan akhlak seseorang Islam. Namun malang sekali, hari ini kalimah “tasawwuf” telah disalahfahami dan adakalanya dicemari. Melalui ruangan ini akan kita perjelaskan dari semasa ke semasa faham tasawwuf yang sebenar agar kemurnian ilmu tasawwuf itu dapat dikembalikan, insya Allah.

Bagaimana Asal Muncul Ilmu Tasawwuf?

Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai sumber ilmu untuk seluruh manusia. Baginda adalah sebaik-baik makhluk dan sesempurna kejadian. Tiada seorang manusia pun yang boleh menandingi Baginda SAW dari segi kesempurnaannya. Melalui lidah mulia Baginda SAW, kita menerima wahyu Allah SWT yang dinamakan al-Qur’an. Seterusnya Baginda SAW menjelaskan lagi berhubung dengan al-Qur’an dan Islam melalui Hadithnya.

Selepas Baginda SAW wafat (w. 11H / 632M), tiada lagi manusia sempurna (insan kamil) yang boleh menjawab semua persoalan dan memandu umat ke jalan yang diredhai Allah SWT. Lantas para ulama merasakan perlunya mempertahankan ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW agar tidak berlaku penyelewengan dari sumber asalnya. Maka ilmu-ilmu Islam mula berkembang yang kesemuanya diambil sandarannya berdasarkan ayat-ayat al-Qur’an dan Hadith Baginda SAW. Dari situlah ilmu seperti ilmu Tafsir, ilmu Hadith, ilmu Fekah, ilmu Tajwid, Aqidah, Nahu dan pelbagai disiplin ilmu Islam yang lain muncul. Imam Abu Hanifah (w. 157H / 767M) misalnya mengembangkan ilmu fekah dan selepas beliau termasuk Imam Malik (w.175H / 795M), Imam Shafi’e (w. 205H / 820M) dan Imam Ahmad bin Hanbal (w.241H/ 855M) dan ribuan para ulama lain selepas mereka ini yang turut menjelaskan tentang persoalan fekah. Begitu juga Imam Bukhari (w.256H/ 870M) menjadi pengasas kepada ilmu Hadith dan selepas beliau muncul ulama-ulama hadith lain yang menjejaki usaha beliau.

Setiap ilmu itu muncul demi menjaga keaslian ajaran baginda Rasulullah SAW dari diselewengkan. Ilmu Tafsir misalnya, bagi menjaga tafsir ayat-ayat Allah agar tidak ditafsir sewenang-wenangnya; ilmu Hadith, bagi menjaga Sunnah Nabi SAW, membezakan antara hadith yang sahih dan palsu dan pelbagai jenis hadith yang lain; ilmu Tajwid bagi menjaga kesucian bacaan al-Qur’an yang betul

seperti yang diajarkan oleh Baginda SAW, dan begitu juga ilmu-ilmu lain yang setiap satunya mempunyai matlamatnya menjaga aspek atau disiplin tertentu dari ajaran Islam. Kesemua ilmu-ilmu ini tidak pernah wujud di zaman Rasulullah SAW sebagai suatu "disiplin yang khusus" kerana ianya tidak perlu memandangkan Rasulullah SAW masih hidup dan segala persoalan boleh terus dimajukan kepada Baginda SAW untuk jawapan. Tetapi apabila Baginda SAW wafat, di sana ada keperluan yang dirasakan oleh para ulama agar umat terbimbing dan kemurnian ajaran Islam dapat dipertahankan.

Begitu juga kemunculan ilmu Tasawwuf ini adalah berdasarkan keperluan semasa setelah semakin jauhnya umat Islam dengan zaman Baginda Rasulullah SAW, penghayatan terhadap ajaran Islam juga semakin luntur. Apabila Empayar Islam semakin meluas, kecintaan kepada harta benda duniawi menjadi melampau sehingga menghilangkan fokus terhadap matlamat manusia diutuskan Allah SWT di atas mukabumi. Sifat-sifat keji (mazmumah) semakin subur sehingga membawa kepada perpecahan dan perbalahan yang parah di kalangan umat Islam.

Ilmu Tasawwuf ini adalah untuk mengembalikan manusia kepada fitrahnya yang asal yang suci bersih melalui amalan-amalan penyucian diri rohani (hati) dari sifat-sifat keji (mazmumah) dan menghiasi diri dengan sifat-sifat terpuji (mahmudah). Sebagai contoh bagaimana untuk bersifat dengan sifat ikhlas dan membuang perasaan riya', takabbur, hasad dengki dan seumpamanya. Bagaimana untuk bersifat ihsan iaitu "menyembah Allah sepertimana kamu melihatNya, dan jika kamu tidak melihatNya, yakinlah Allah melihatmu" seperti yang disebutkan dalam Hadith Jibril a.s yang terkenal itu. Aspek ini semua ditekankan dalam bidang ilmu yang dipanggil ilmu Tasawwuf. Ada juga nama-nama selain ilmu Tasawwuf seperti Ilmu Akhlak, Tahzib al-Akhlaq, Tazkiyat al-Nafs, Ilmu Ihsan dan sebagainya, tetapi semuanya membawa maksud yang satu dan menjurus kepada matlamat yang sama.

Apakah Matlamat Ilmu Tasawwuf?

Rasulullah SAW merupakan model ikutan umat Islam dalam semua aspek kehidupan. Mengikut Rasulullah SAW bukan sahaja amalan luaran zahirnya sahaja tetapi sepatutnya turut mencontohi Baginda SAW dalam amalan batinnya. Bagaimana Rasulullah mengajar untuk bersifat ihsan dalam kehidupan seharian. Hakikatnya dalam kehidupan kita ini, semua perbuatan terbahagi kepada dua aspek, iaitu luaran dan dalaman atau zahir dan batin. Sebagai contoh, solat. Yang zahir yang dilihat orang ialah pergerakan kita dari satu rukun fi'li ke rukun yang lain, manakala yang batinnya yang tidak diketahui sesiapa pun ialah aspek "khusyuk" dalam solat itu. Begitu juga dalam bersedekah, yang zahirnya ialah jumlah wang atau barangan yang disedekahkan, tetapi aspek batinnya ialah bagaimana kedudukan hati orang bersedekah itu ketika beliau melakukan amalan tersebut. Adakah beliau ikhlas atau sebenarnya untuk menunjuk-nunjuk dan mendapat pujian manusia?

Kedua-dua aspek zahir dan batin adalah penting dalam Islam. Ilmu tasawwuf menitikberatkan model Rasulullah SAW dalam aspek batin, manakala aspek zahir amal ibadat dibincangkan dalam ilmu yang disebut ilmu Fekah. Seseorang yang solat dari segi fekahnya mungkin kelihatan memenuhi syarat sahnya, tetapi hatinya sebenarnya lalai dari mengingati Allah SWT lalu solatnya menjadi sia-sia bahkan tercela. Orang yang berpuasa misalnya mungkin tidak makan dan

minum serta menahan diri dan perkara yang membatalkan puasa sejak terbit fajar hingga terbenam matahari. Dari segi hukum fekah puasanya sah, tetapi beliau sebenarnya tidak menjaga anggota matanya, telinganya, lidahnya dan anggota-anggota lain seperti mengumpat, memfitnah orang dan seumpamanya. Hatinya masih lalai dari mengingati Allah dan masih bersangka buruk terhadap orang lain, bredendam, hasad. Ini menjadikan puasanya walaupun sah tetapi kurang "markah" bahkan boleh menjadi sia-sia sahaja dan beliau memperolehi lapar dan dahaga sepertimana disebutkan dalam banyak hadith Nabi SAW. Persoalan seumpama ini cuba ditangani oleh para ulama tasawwuf yang cuba untuk mendidik hati agar sentiasa berada dalam kesedaran ketuhanan (muraqabah) setiap masa, menyucikan hati dari sifat-sifat keji dan tercela sehingga menjadi hati yang sihat sejahtera (qalbun salim). Professor Tan Sri Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas merumuskan tasawwuf dengan begitu menarik sekali dengan ungakapannya "beramal dengan syariat pada maqam ihsan". Wallahu'alam.